



DAGANGKAN KONTRAK NIAGA HADAPAN LOGAM PERTAMA DI MALAYSIA




FTIN

Niaga Hadapan Timah

Didagangkan di Bursa Malaysia

APAKAH PROFIL ANDA?



Setiap pedagang mempunyai matlamat yang berbeza, dan pendekatan anda untuk mencapai matlamat tersebut bergantung pada keinginan risiko/pulangan pelaburan anda.

Anda boleh mengenal pasti profil anda dalam carta ini dan di samping produk yang terdapat dalam brosur ini, anda juga boleh mempertimbangkan produk-produk lain untuk dimasukkan dalam portfolio anda.

**PELBAGAI PILIHAN UNTUK
SETIAP PELABUR
DIBURSA MALAYSIA**

FTIN

NIAGA HADAPAN TIMAH DALAM DOLAR AMERIKA DI MALAYSIA KINI TERSENARAI DI CME GLOBEX®

- Akses global
- Dagangan Dikawal Selia
- Dagangan Leveraj
- Manfaat daripada Pasaran Menaik dan Menurun

KOD TIK FTIN

- CME Globex®: BMD\FTIN\relevant
contract month code
Contoh: BMD\FTIN\DEC16
- Bloomberg: FTIA Comdty CT <GO>
- Thomson Reuters: <1FTIN> + <Month Code> +
<Year Code>
Contoh: <1FTINZ6> DEC6 contract



APAKAH **FTIN**?

FTIN ialah kontrak niaga hadapan timah dalam Dolar Amerika (“USD”) yang didagangkan di Bursa Malaysia Derivatives Berhad, yang memberi peserta pasaran pendedahan kepada pergerakan harga timah.

- Saiz Kontrak: Setiap kontrak FTIN adalah bersamaan 1 tan metrik timah
- Harga: Penentuan harga kontrak FTIN ditanda aras bersandarkan Pasaran Timah Kuala Lumpur (KLTM)
- Penyelesaian Tunai: Tiada penghantaran fizikal kerana ia adalah kontrak penyelesaian tunai.



MENGAPA BERDAGANG FTIN?

1. Akses Global

FTIN didagangkan secara elektronik di CME Globex[®], iaitu sebuah platform dagangan elektronik global. Akses kepada CME Globex[®] adalah mudah, membolehkan pedagang individu dan professional di seluruh dunia mengakses kesemua produk Bursa Malaysia Derivatives Berhad.

2. Dagangan Dikawal Selia

Dagangan kontrak FTIN di Bursa Malaysia Derivatives Berhad berada di bawah kawal selia Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menurut Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Deposit margin dan pembayaran yang berkaitan dengan penyelesaian kontrak niaga hadapan dijamin oleh Bursa Malaysia Derivatives Clearing Berhad, manakala aktiviti dagangan broker niaga hadapan juga dikawal selia.

Rangka kerja kawal selia ini memberikan perlindungan tambahan dan keyakinan kepada pedagang pasaran.

3. *Dagangan Leverage*

Dalam pasaran niaga hadapan, anda cuma perlu menandatangani peratusan kecil daripada nilai sebenar kontrak (dikenali sebagai Margin Permulaan). Margin ini akan berubah berdasarkan turun naik harga timah. Leverage membolehkan anda mendapat pendedahan yang lebih besar kepada jumlah nilai pasaran timah.

4. *Manfaat daripada Pasaran Menaik dan Menurun*

Tidak seperti membeli “aset” yang berdasarkan harga terkini (contohnya, saham atau aset fizikal), kontrak niaga hadapan membolehkan anda mengambil kedudukan masa kini berdasarkan pandangan anda tentang arah harga pada masa depan. Pedagang mempunyai peluang untuk menjual dahulu di pasaran menurun dan ini adalah kelebihan utama dagangan kontrak niaga hadapan. Ia memberikan pedagang fleksibiliti untuk menyertai dan mengambil peluang dalam pelbagai arah dan pergerakan pasaran.

Sebagai contoh, jika anda ingin mendapatkan pendedahan kepada pasaran timah dan menjangkakan harga timah akan turun pada masa depan (contohnya, pada bulan Disember), anda boleh menjual kontrak niaga hadapan Disember ini sekarang untuk mengunci harga pada hari ini, dan mengambil keuntungan anda pada bulan Disember apabila kontrak luput pada harga yang lebih rendah. Keupayaan untuk “menjual” kontrak tanpa membeli dahulu ini, membolehkan anda mendapat manfaat daripada kedua-dua pergerakan harga sama ada menurun atau menaik.

MARGIN DAN MATA WANG DILULUSKAN

3

Margin Permulaan hendaklah didepositkan dengan Broker Niaga Hadapan berlesen anda sebelum memulakan dagangan. Semua deposit mata wang untuk FTIN (kecuali Dolar Amerika) bagi Margin Permulaan adalah tertakluk pada kadar potongan seperti yang ditentukan oleh Bursa Malaysia Derivatives Clearing Berhad dari semasa ke semasa.

Sementara Margin Perubahan adalah dalam Dolar Amerika (USD), Margin Permulaan diterima dalam bentuk mata wang lain seperti yang tersenarai di bawah:

- Ringgit Malaysia (RM)
- Dolar Amerika (USD)
- Pound British (GBP)
- Euro (EUR)
- Dolar Hong Kong (HKD)
- Yen Jepun (JPY)
- Renminbi China (RMB)
- Dolar Singapura (SGD)
- Dolar Australia (AUD)

Sila rujuk kepada Broker Niaga Hadapan berlesen anda mengenai bentuk cagaran lain yang diluluskan.

4

CONTOH DAGANGAN

Senario 1 – Perlindungan Nilai terhadap Potensi Kejatuhan Harga

Spectre Ltd. merupakan sebuah syarikat perlombongan timah. Mereka membekalkan timah kepada semua syarikat peleburan timah. Mereka menjangkakan akan menghasilkan 20 tan metrik timah pada tahun 2018.

Dengan andaian tarikh pada hari ini ialah 1 Januari 2017 dan harga semasa bagi 1 tan metrik timah adalah USD 17,000. Spectre Ltd. menjangkakan pengeluaran timah pada tahun 2018 akan meningkat sehingga 30% dan akan menyebabkan penurunan harga bijih timah kepada USD 16,000 per tan metrik.

Apakah yang boleh dilakukan oleh Spectre Ltd. untuk mengelakkan syarikat tersebut daripada menerima keuntungan yang berkurangan dalam masa satu tahun lagi?

Januari 2017: Jual 20 kontrak FTIN bulan Januari 2018 pada harga USD 17,000 / tan metrik

Januari 2018: Membeli semula 20 kontrak FTIN bulan Januari 2018 pada harga USD 16,000 / tan metrik

* Satu kontrak FTIN = 1 metrik tan

Jumlah keuntungan = $[(\text{USD}17,000 \times 1) - (\text{USD}16,000 \times 1)] \times 20 = \text{USD}20,000$

* Syarikat boleh menggunakan keuntungan daripada dagangan FTIN untuk melindungi kerugian harga timah fizikal.

* Margin Permulaan perlu didepositkan terlebih dahulu sebelum memulakan dagangan.

* Kos transaksi tidak diambil kira dalam contoh ini

Senario 2 – Perlindungan Nilai terhadap Potensi Kejatuhan Harga

Tin Smelters Pte Ltd. merupakan sebuah syarikat peleburan bijih timah. Mereka berniat untuk membeli timah dari Quick Tin Sdn Bhd yang merupakan sebuah syarikat perlombongan timah di Malaysia.

Dengan andaian pada masa ini adalah Januari 2017 dan harga semasa bagi timah adalah USD 17,000 per tan metrik. Tin Smelters Pte. Ltd. telah menerima tempahan sebanyak 50 tan metrik timah yang perlu dihantar pada bulan September 2017.

Bagaimanakah Tin Smelters Pte. Ltd. dapat menggunakan FTIN untuk mengurangkan risiko hasil daripada pergerakan harga timah yang turun naik?

Januari 2017: Beli 50 kontrak FTIN bulan September 2017 pada harga USD 17,000

September 2017: Jual 50 kontrak FTIN bulan September 2017 pada harga USD 17,500

* Satu kontrak FTIN = 1 metrik tan

Jumlah keuntungan = $[(USD\ 17,500 \times 1) - (USD\ 17,000 \times 1)] \times 50 = USD\ 25,000$

* Syarikat boleh menggunakan keuntungan daripada dagangan FTIN untuk melindungi kerugian harga timah fizikal pada bulan September

* Margin Permulaan perlu didepositkan terlebih dahulu sebelum memulakan dagangan.

* Kos transaksi tidak diambil kira dalam contoh ini

Senario 3 – Mengarbitraj

Sebuah firma perdagangan menyedari harga FTIN di Bursa Malaysia Derivatives Berhad didagangkan pada harga premium berbanding dengan harga niaga hadapan timah yang didagangkan di Exchange “X”. Firma perdagangan tersebut membuat keputusan untuk menjual FTIN dan membeli kontrak niaga hadapan timah di Exchange “X” untuk mengarbitraj. Kedudukan akan dicairkan kemudian apabila spread harga antara kedua-dua pasaran kembali normal. Firma perdagangan tersebut akan mendapat manfaat daripada percanggahan harga sementara antara Bursa Malaysia Derivatives Berhad dan Exchange “X”.

- * Margin Permulaan perlu didepositkan terlebih dahulu sebelum memulakan dagangan.
- * Kos transaksi tidak diambil kira dalam contoh ini

APAKAH PRODUK LAIN YANG KAMI TAWARKAN?



Derivatif Ekuiti

- Niaga Hadapan FTSE Bursa Malaysia KLCI (FKLI)
- Opsyen atas Niaga Hadapan FTSE Bursa Malaysia KLCI (OKLI)
- Niaga Hadapan Saham Tunggal (SSFs)

Derivatif Kewangan

- Niaga Hadapan Kadar Ditawarkan Antara Bank KL 3-Bulan (KLIBOR) (FKB3)
- Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia 3-Tahun (FMG3)
- Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia 5-Tahun (FMG5)
- Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia 10-Tahun (FMGA)

Derivatif Komoditi

- Niaga Hadapan Emas (FGLD)
- Niaga Hadapan Timah USD (FTIN)
- Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (FCPO)
- Opsyen atas Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (OCPO)
- Niaga Hadapan Olein Sawit USD RBD (FPOL)
- Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah USD (FUPO)
- Niaga Hadapan Minyak Sawit Isi rung Mentah

6

MEMULAKAN PERDAGANGAN

Langkah 1

Buka Akaun Dagangan Niaga Hadapan dengan Broker Niaga Hadapan berlesen di Bursa Malaysia Derivatives Berhad.

Langkah 2

Deposit Margin Permulaan dengan Broker Niaga Hadapan anda.

Langkah 3

Mula berdagang FTIN.

Bagaimanakah saya boleh ketahui lebih lanjut?

Sila hubungi Broker Niaga Hadapan pilihan anda yang akan menasihati dan memberikan maklumat terkini kepada anda dengan sewajarnya. Anda juga boleh menghadiri pelbagai **seminar pendidikan yang tersenarai di laman web Bursa Malaysia.**

Penafian

Brosur ini disediakan bertujuan untuk memberikan maklumat umum sahaja. Maklumat yang terkandung dalam brosur ini bukan merupakan nasihat undang-undang, kewangan atau pelaburan ataupun membuat sebarang cadangan berkaitan dengan produk dan perkhidmatan yang disebut di sini. Walaupun segala usaha telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam brosur ini, Bursa Malaysia Derivatives Berhad dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menjamin atau mewakili, sama ada secara nyata atau tersirat, ketepatan atau kelengkapan maklumat di sini. Bursa Malaysia Derivatives Berhad dan Kumpulan Bursa Malaysia selanjutnya tidak menjamin prestasi mana-mana produk yang dirujuk dalam brosur ini.

Semua undang-undang, keperluan kawal selia dan peraturan, termasuk Peraturan semasa Bursa Malaysia Derivatives dan Peraturan Bursa Malaysia Derivatives Clearing yang terpakai hendaklah dirujuk berhubung dengan brosur ini. Bursa Malaysia Derivatives Berhad dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti terhadap apa jua keputusan pelaburan atau dagangan yang dibuat oleh pembaca atau mana-mana pihak ketiga berdasarkan maklumat ini. Anda dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat bebas untuk setiap keputusan pelaburan dan/atau dagangan.

BURSA MALAYSIA BERHAD

Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel : +(603) 2034 7000
Fax : +(603) 2026 3584
Email: futures@bursamalaysia.com

www.bursamalaysia.com